

IKIM, UPSI, UTHM dan IBFIM perkukuh kerjasama strategik

Kuala Lumpur, 19 Februari - Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara IKIM dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Islamic Banking And Finance Institute Malaysia (IBFIM). Majlis bersejarah ini berlangsung di IKIM, Kuala Lumpur bertujuan untuk memperkuatkan kerjasama strategik dalam bidang penyelidikan, pendidikan, latihan dan pembangunan kefahaman Islam.

Memorandum Persefahaman yang dimeterai ini akan mengukuhkan lagi kerjasama dalam beberapa bidang, termasuk penyelidikan ilmiah, pembangunan pendidikan Islam, kewangan Islam, serta program latihan yang bertujuan meningkatkan pengetahuan dan pemahaman masyarakat tentang prinsip-prinsip Islam yang relevan dalam konteks moden.

IKIM diwakili oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil, Ketua Pengarah IKIM, Dr. Muhammad Hisyam Mohamad, Pengarah Pusat Emas dan Dr. Nik Roskiman Abdul Samad, Pengarah Pusat SYARAK IKIM. Manakala UPSI diwakili oleh Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff, Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Prof. Madya Ts Dr Nur Kalsum Mohd Isa, Dekan FSK, UPSI.

IBFIM pula diwakili oleh Yusry Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Banking And Finance Institute Malaysia (IBFIM) dan Nuraini Hamid, Pengarah Pertumbuhan & Usahasama Strategik, IBFIM.

Sementara itu, UTHM diwakili oleh Prof. Dato' Ir.Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM dan Prof. Madya Dr. Khairun Nidzam Ramli Pengarah Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, UTHM.

Majlis Menandatangani MoU ini merupakan bukti komitmen masing-masing terhadap usaha bersama untuk memajukan bidang pendidikan dan penyelidikan yang berkaitan dengan kefahaman Islam serta kewangan Islam di negara ini.

Kerjasama ini juga memberi peluang kepada IKIM dan rakan-rakan strategik iaitu UPSI, IBFIM dan UTHM untuk membangunkan platform pendidikan yang lebih holistik, yang tidak hanya mengutamakan aspek akademik, tetapi juga menyediakan program yang memberi kesan langsung kepada masyarakat. Melalui penyelidikan bersama dan program-program latihan yang dijalankan, Kerjasama strategik ini dapat menyumbang kepada pembinaan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing di peringkat global.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) diantara UPSI, NCDRC dan MIMOS BERHAD

Bukit Jalil, 21 Februari - Majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) antara Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan MIMOS Berhad telah berlangsung dengan penuh gemilang di Taman Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.

Majlis ini merupakan langkah strategik untuk memperkuatkkan kerjasama antara institusi akademik dan industri, khususnya dalam bidang pendidikan dan teknologi. Dalam sesi pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman, majlis

ini telah menyaksikan kehadiran imbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPSI, Prof. Dr. Suriani Abu Bakar yang mewakili UPSI dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Berhad, Dr. Saat Shukri Embong. Turut hadir sebagai tetamu khas bagi menyokong usaha ini ialah Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail yang merupakan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak.

Perjanjian ini bertujuan membuka lebih banyak peluang dalam bidang penyelidikan dan inovasi teknologi pendidikan, khususnya dalam

membangunkan kaedah pembelajaran berasaskan STEM yang merangkumi sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik untuk kanak-kanak. Kerjasama ini dijangka memberi impak besar kepada dunia pendidikan tinggi serta menyumbang kepada pembangunan modal insan yang celik teknologi. UPSI melalui Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak (NCDRC) memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan kurikulum berasaskan STEM di peringkat awal kanak-kanak dapat diterapkan secara menyeluruh



Dr. Laili Farhana Md Ibharim Cipta AR-SiGaSTEM: Augmented Reality untuk Pendidikan STEM

Digitalisasi pendidikan dalam era Revolusi Industri 4.0 membuka peluang besar untuk menyokong falsafah pendidikan negara dengan kaedah pembelajaran kreatif dan saintifik. Augmented Reality (AR) semakin popular kerana keupayaannya menambah elemen digital ke dunia nyata, memberikan pengalaman interaktif dalam bidang hiburan, pengiklanan dan pendidikan. Dalam pendidikan STEM, AR digunakan untuk membantu pelajar memahami konsep kompleks melalui visualisasi dan interaksi maya. Pembelajaran berasaskan permainan juga meningkatkan minat serta pemahaman pelajar. Kajian Ajit (2021) mendapat bahawa aplikasi simulasi menggunakan AR membolehkan pelajar dan guru mengaplikasikan konsep pembelajaran secara maya dalam dunia

sebenar sama ada di dalam atau luar kelas. Di Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menetapkan objektif untuk membangunkan bakat dalam bidang Sains, Teknologi, dan Inovasi (STI) melalui agenda DSTIN 2021–2030. Namun, pendidikan STEM kurang diminati oleh generasi muda walaupun ia adalah keperluan penting untuk masa depan. Untuk menangani cabaran ini, sekumpulan penyelidik diketuai oleh Dr. Laili Farhana Md Ibharim dari UPSI telah membangunkan AR-SiGaSTEM, satu modul pedagogi inovatif yang menggabungkan simulasi permainan tradisional dengan teknologi AR. Projek ini dibiayai oleh Pusat Inovasi Penyelidikan Pedagogi (CPRI) melalui Geran Penyelidikan Inovasi Pedagogi, dengan kerjasama pakar STEM, pakar pembangunan permainan pendidikan, dan industri.

Modul ini direka untuk membantu guru dalam pengajaran STEM secara atas talian kepada pelajar tingkatan satu di Malaysia. Ia menggabungkan teknologi AR dan permainan tradisional seperti wau, gasing dan baling tin untuk menggalakkan pembelajaran interaktif serta mengekalkan warisan budaya tempatan. AR-SiGaSTEM menggunakan model pengajaran 5E (Engagement, Exploration, Explanation, Elaboration, Evaluation) untuk meningkatkan pemahaman STEM pelajar. Modul ini tersedia dalam format digital dan fizikal melalui UPSI Publishers dan telah menerima sijil hak cipta. Ia juga meraih pingat perak dalam Malaysia Technology Expo 2023, menarik perhatian pelbagai pihak termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia dan institusi pembelajaran swasta.

UPSI Perkasa Kepimpinan Mahasiswa Melalui Anugerah Keterampilan

Tanjong Malim, 19 Februari - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus komited dalam melahirkan mahasiswa berdaya saing dan berwibawa menerusi penganjuran Majlis Anugerah Keterampilan Pelajar UPSI 2024, yang berlangsung dengan penuh gemilang di sini, baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, Profesor Dr. Norkhalid Salimin, berkata bahawa program itu bukan sekadar pengiktirafan, malah berfungsi sebagai platform utama dalam membangunkan bakat kepimpinan serta sahsiah dalam kalangan mahasiswa.

"Sebanyak 64 permohonan diterima bagi 12 kategori anugerah yang dipertandingkan tahun ini, mencerminkan semangat tinggi pelajar dalam menyerlahkan kebolehan masing-masing."

Menurut beliau, penghargaan ini bukan hanya untuk pelajar, malah merupakan satu peluang bagi seluruh warga UPSI memanfaatkan setiap inisiatif yang ditawarkan, termasuk yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), bagi memperkuuh reputasi institusi di peringkat nasional dan antarabangsa. Tambah beliau,

penglibatan dalam aktiviti kokurikulum di luar bilik kuliah bagi membentuk mahasiswa yang holistik adalah penting selaras dengan agenda pemerkasaan mahasiswa oleh KPT. "Penyertaan dalam kelab dan persatuan membolehkan pelajar mendalami minat dan bakat mereka, selain menyumbang kepada pembangunan masyarakat serta mengasah kemahiran kepimpinan."

Beliau turut menyeru mahasiswa agar keluar dari zon selesa dan terus mencari ruang untuk mengembangkan potensi diri.

